

25/10/1997

PM ajak Komanwel berganding bahu (HL)

Mior Kamarul Shahid in Edinburgh

EDINBURGH, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan negara anggota Komanwel supaya membuat pilihan sama ada berjuang secara bersendirian atau bersatu dalam Komanwel bagi menghadapi orde globalisasi secara bersama.

Perdana Menteri berkata, dalam era maklumat hari ini, negara-negara Komanwel tidak mempunyai pilihan, tetapi menjadi lebih liberal untuk menerima gagasan globalisasi.

"Dengan mengetepikan sempadan, dasar nasional dan undang-undang tidak bermakna mengetepikan syarat dan peraturan secara mutlak. Dunia seharusnya mempunyai tataetika untuk melindungi yang lemah," katanya.

Perdana Menteri berharap Komanwel akan dapat bertahan dalam menghadapi era maklumat dan dunia tanpa sempadan.

"Ia akan menjadi nyata jika pertubuhan itu tetap relevan dalam menentukan tradisi, perdagangan, pelaburan dan pembangunan.

"Kita tidak mempunyai banyak masa. Dunia terus menghadapi liberalisasi dan globalisasi. Tidak lama lagi Komanwel akan mendapati keanggotaannya dianggap kurang penting daripada keanggotaan mereka sebagai masyarakat dunia.

"Negara-negara berkuasa bukan Komanwel tidak akan membenarkan kedudukan eksklusif di dalam Komanwel. Mereka melihat kekayaan yang wujud untuk dieksploitasi. Mereka tidak akan membiarkannya hanya disebabkan mereka bukan menjadi anggota kelab," kata Perdana Menteri ketika berucap pada Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM), di sini, hari ini.

Dr Mahathir adalah pemimpin pertama yang berucap pada sesi eksekutif selepas persidangan dirasmikan oleh Queen Elizabeth. Lebih 40 pemimpin dari 54 negara anggota menyertai persidangan bertemakan 'Pelaburan, Perdagangan dan Pembangunan: Ke arah kesejahteraan Komanwel'.

Pagi tadi, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatnya dari New Zealand, James Bolger; Australia, John Howard; Singapura, Goh Chock Tong dan Bangladesh, Sheikh Hasina Wajed.

Dr Mahathir bagaimanapun mengingatkan negara-negara Komanwel supaya berhati-hati menerima gagasan globalisasi dan liberalisasi dalam perdagangan dan pelaburan, jika ia tidak memberi kepentingan seimbang.

Perdana Menteri bimbang tanpa memahami maksud dan definisinya, ia hanya menguntungkan sesetengah pihak dan menimbulkan masalah kepada negara lain.

Dr Mahathir menjelaskan walaupun globalisasi dan liberalisasi dalam perdagangan dan pelaburan boleh menjadi pemangkin kepada pertumbuhan dan pembangunan, ia juga menyebabkan sesetengah pihak mendapat untung manakala yang lain merana.

Perdana Menteri berkata, di negara yang secara relatifnya maju di Eropah sekalipun mendapati sukar untuk mengekang halangan dalam Kesatuan Eropah (EU). Masih wujud pihak yang menganggap dengan adanya kesatuan atau membuka pasaran, akan meletakkan mereka dalam keadaan yang tidak menguntungkan.

"Perkataan globalisasi dan liberalisasi digunakan dengan begitu longgar tanpa memahami matlamat dan definisinya," katanya.

Perdana Menteri menegaskan jika dunia mahu terus maju dan makmur, halangan perdagangan mestilah dikurangkan.

"Untuk melakukannya, kita perlu mengambil kira tahap kemajuan dan kemampuan saingan negara yang berbeza.

"Peluang untuk mengambil bahagian mestilah sama, tetapi persaingan

mestilah adil kepada setiap `pemain' dalam perniagaan yang seimbang," tambahnya.

Beliau bimbang jika keadaan ini tidak dapat diwujudkan, pihak yang kurang berkemampuan akan terus menjadi lemah dalam dunia tanpa sempadan dan penuh halangan.

Perdana Menteri mengingatkan keadaan ini kerana ekonomi Malaysia pada masa ini menghadapi serangan setelah menerima pakai konsep globalisasi dan meliberalisasikan peraturan perdagangan dan pelaburan.

"Selepas bertungkus-lumus selama 40 tahun, ia dimusnahkan dalam tempoh hanya beberapa minggu dalam peraturan yang dirumuskan tanpa mengambil kira pandangan kita, itu pun jika ada peraturan mengenainya. Oleh itu, kita mesti berhati-hati apabila menerima konsep yang bukan buatan kita," tambahnya.

Perdana Menteri mengakui pertumbuhan ekonomi bagi setiap negara tidak sama. Sesetengahnya mempunyai sumber yang banyak manakala yang lain boleh menikmatinya daripada lokasi yang strategik manakala yang lain mempunyai sumber manusia yang terhad.

Bagaimanapun, katanya, bagi negara yang lebih strategik, mereka boleh membantu memajukan negara lain dengan cara melaksanakan perdagangan dan pelaburan termasuk pelaburan asing secara terus.

Dalam Komanwel sendiri, Dr Mahathir berkata kekayaan yang wujud tidak dikongsi bersama. Dengan keadaannya yang unik untuk membantu sesama sendiri, negara anggota seharusnya menggunakan kekayaan untuk kepentingan bersama.

Perdana Menteri berkata meskipun wujud keadaan positif dalam Komanwel, negara anggota tidak mendapat faedah sepenuhnya daripada pertumbuhan itu.

"Kita sepatutnya menyalahkan diri sendiri," tambahnya.

(END)